

# **Graduan UPM menang kereta Mazda**

KUALA LUMPUR 11 Ogos - Seorang graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak menyangka 'hadiah saguhati' yang dimenanginya dalam peraduan Lazada Malaysia's Giveaway Extravaganza merupakan hadiah utama yang membolehkannya memandu pulang kereta Mazda 2 Hatchback.

Musa Sabri, 25, dari Kelantan berkata, pihak Lazada menghubunginya agar mengambil hadiah saguhati berupa sebuah telefon pintar dan baucar bernilai RM1,000 yang dimenangi dalam peraduan bermula 20 Mei hingga 20 Jun lalu itu.

"Tetapi sebaik sahaja saya membuka pintu pejabat Lazada, saya mendapat kejutan apabila semua orang bersorak dan menyerahkan replika kunci kereta kepada saya," katanya melalui kenyataan akhbar yang dikeluarkan Lazada di sini hari ini.